

15/03/2004

Strategi baru kekalkan fundamental Islam: Dr M

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad menggesa umat Islam di seluruh dunia supaya menerima dan mengurus perubahan mengikut peredaran masa bagi memelihara fundamental Islam.

"Segala-galanya berubah mengikut peredaran masa. Kita boleh menentang perubahan, menjadi ortodoks dan konservatif tetapi kita tidak boleh menolak perubahan selama-lamanya.

"Kita boleh sama ada untuk menerima perubahan yang datang atau kita boleh mengubahsuaikannya. Sudah tentu kita sendiri juga boleh melakukan perubahan. Apa juga yang kita lakukan, perubahan tetap akan berlaku," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucap ternaik bertajuk 'Dinamik Perubahan - Pengalaman Malaysia' pada Persidangan Advista Arabia VI, di Jeddah semalam. Teks ucapannya difaks kepada Bernama, di sini.

Dr Mahathir turut kesal terhadap sebilangan umat Islam yang menolak perubahan bagi memastikan mereka kekal seperti sedia ada atau dalam keadaan seperti yang mereka sangkakan sebelum ini.

Beliau berkata, di Malaysia peratusan umat Islam menurun daripada 99 peratus kepada 60 peratus tetapi mereka tidak mengubah suai atau mengurus perubahan yang dibawa oleh penjajah Barat (British).

Katanya, umat Islam yang enggan menyesuaikan diri dengan perkembangan keperluan pihak penjajah, sudah mengundur dan mengasingkan diri serta dipinggirkan memandangkan kebanjiran pendatang dari China dan India memenuhi keperluan sebuah negara yang dibangunkan oleh British kerana kekayaannya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata walaupun umat Islam adalah majoriti kecil di Malaysia, mereka kekal sebagai elemen politik paling berkuasa dengan mendapat kerjasama daripada kaum-kaum lain.

Bagaimanapun, katanya, di sebalik kerjasama pelbagai kaum, sistem kerajaan masih perlu diubah kerana Malaysia tidak dapat kembali kepada sistem feudal pra-penjajah di mana sembilan Sultan memerintah negeri kecil masing-masing.

Dalam menyelesaikan perkara itu, beliau berkata sebuah perlembagaan yang memperuntukkan demokrasi berparlimen dengan raja berperlembagaan (bukan eksekutif) dan bukannya sebuah republik sudah digubal.

(END)